



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Jumaat, Jun 13, 2014

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN



| A- | A | A+ | ENGLISH

BERITA »

Maestro biola UPM menang anugerah emas Muzik Global

Foto Marina Ismail



SERDANG, 27 Mei (UPM) – Dr Joanne Yeoh, maestro biola dan ketua Jabatan Muzik Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi Pingat Emas Anugerah Muzik Global (GMA) melalui album baharunya berjudul *After A Dream*.

Keputusan itu diumumkan dalam laman web GMA, organisasi berpejabat di California, yang menghakimi dan memberi publisiti kepada pemuzik bebas dari seluruh dunia. Di samping menggunakan standard penghakiman yang tinggi, GMA memberi pengiktirafan terhadap karya dan kreativiti luar biasa seseorang pemuzik.

"Saya anggap anugerah ini sebagai suatu rahmat dan pengiktirafan terhadap karya saya sebagai ahli muzik kerana saya tidak meletakkan sebarang harapan apabila menyertai pertandingan ini," kata Dr Yeoh dalam wawancara di pejabat beliau.

Menurut Dr Yeoh, seperti pemuzik bebas lain, beliau mengemukakan "*After A Dream*" untuk memeriahkan pertandingan antarabangsa GMA itu dan amat gembira apabila para hakim bebas menganugerahkan Pingat Emas untuk album itu (<http://www.thegma.net>).



Album yang memuatkan 10 lagu ciptaan khas itu dilancarkan di sini pada 10 Disember 2013 sebagai hadiah kepada peminat dan pengikutnya. Walaupun ia hanya boleh dibeli secara dalam talian, tetapi setakat ini, lebih 1,000 unit telah terjual (www.joanneyeoh.com.my).

Dr Yeoh berkata kebanyakan pemuzik yang mengemukakan karya mereka kepada GMA terdiri daripada pemuzik yang tidak begitu terikat dengan apa yang dikenali sebagai formula muzik poppyq. Sebaliknya, mereka yang menyertai pertandingan ini lebih menggemari muzik klasik &lektik, crossover dan hasil ciptaan mereka dihakimi mengikut beberapa kategori seperti seni muzik, ciptaan, kreativiti dan keaslian.

Pemuzik berbakat ini berasal dari Subang Jaya. Setelah menamatkan pelajaran peringkat menengah, beliau melanjutkan pengajian di Middlesex University dan

memperoleh ijazah kelas pertama dengan kepujian dalam bidang muzik pada 1998. Pada tahun berikutnya, beliau memperoleh ijazah sarjana dalam bidang persembahan muzik (pengkhususan dalam bidang biola) daripada University of Leeds.

Dr Yeoh menyertai UPM pada 2000 dan pada 2009, beliau menamatkan pengajian peringkat PhD di Heriot Watt University, dengan memberi fokus terhadap muzik dan tingkah laku pengguna.

Beliau telah mengadakan banyak persembahan dan kepada peminatnya, Dr Yeoh begitu diingati kerana mengadakan persembahan bersama superstar Hong Kong Jacky Cheung dan Alan Tam serta bintang pujaan ramai dari Taiwan, David Tao.

After A Dream ialah album kedua Dr Yeoh, hasil kolaborasi dengan Daniel Veerapen, seorang pemuzik dan komposer Malaysia yang terkenal.

Antara lagu dalam album baru ini ialah *Simple Gifts, Miserlou, Dixie's Land, Everytime I Pray, Greensleeves, Khosn Kale Mazel Tov – Hava Nagila, Tango, After a Dream, Danny Boy* dan *Goin' Home*.

Ditanya kalau beliau sedang berancang album ketiga, beliau berkata adalah terlalu awal bagi beliau memikirkan perkara itu. . UPM/kgo/sp

* Rencana ini telah diterjemahkan oleh Encik Samsudin Puteh.

